

Majlis pelancaran Buku Koleksi Minda Dr Mahathir

11 APR 2003

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) dengan kerjasama Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) akan menganjurkan Majlis Pelancaran Buku Koleksi Minda Dr Mahathir Mohamad, 13 Mei ini.

Majlis pelancaran yang bakal diadakan di Hotel Marriott Putrajaya itu, akan disempurnakan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail, dan Perdana Menteri juga dijadualkan hadir.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Ibrahim Abu Shah berkata, koleksi yang mengandungi 14 judul buku mengenai pemikiran dan wawasan Perdana Menteri diterjemahkan ke bahasa Melayu itu merangkumi pelbagai isu dan topik termasuk hal-ehwal semasa, masa depan negara dan dunia.

"Buku berkenaan diterbitkan bertujuan mendekatkan rakyat Malaysia dan generasi muda khususnya mengenai misi dan keberkesanan kepimpinan Perdana Menteri.

"Terdapat 14 judul merangkumi aspek hubungan antarabangsa, pengurusan ekonomi, teknologi informasi dan komunikasi serta keagamaan yang memberi manfaat kepada seluruh rakyat," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Buku-buku itu diterbitkan oleh Pusat

Penerbitan Universiti (UPENA) sentiasa aktif menerbitkan pelbagai bahan ilmiah untuk manfaat orang ramai dan penerbitan Buku Koleksi Minda Dr Mahathir Mohamad adalah salah satu daripadanya.

Katanya, UiTM bercadang menterjemahkan buku berkenaan ke beberapa bahasa lain agar wawasan Dr Mahathir dapat dikongsi bersama secara global.

Sempena pelancaran itu, pihak UiTM mengalu-alukan sumbangan daripada pihak korporat, syarikat mahupun orang perseorangan untuk membeli meja, dan hasil jualan meja itu akan disalurkan kepada Tabung Terjemahan Negara.

Sementara itu, Ketua UPENA, Prof Madya Dr Mohd Rasid Hussin berkata, pihaknya menyediakan enam jenis meja untuk ditempah iaitu Platinum berharga RM100,000, Emas (RM70,000), Perak (RM50,000), Gangsa (RM30), Pewter 1 (RM10,000) dan Pewter 2 (RM5,000) serta sumbangan peribadi.

Organisasi korporat, syarikat dan perseorangan yang mahu menyumbang boleh mendapatkan keterangan lanjut dari Dr Rasid di talian 03-55442130 atau di alamat e-mel sid@salam.uitm.edu.my atau Norimah Abu Bakar 03-55442018 (e-mel normah@salam.uitm.edu.my).